

Lelaki didenda RM10,000 kerana kendali mesin judi

KUCHING: Seorang lelaki didenda RM10,000 atau empat bulan penjara di Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah mengendalikan mesin judi berupa sebuah telefon bimbit.

Azizan Ali, 35, membuat pengakuan itu di hadapan Majistret Ling Hui Chuan, sebaik didakwa mengikut Seksyen 4B (a) Akta Rumah Judi Terbuka (ARJT) 1953.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu pada 1 September 2024, sekitar jam 3.55 petang di sebuah premis di Taman Palma Indah, Lorong 6, Jalan Matang di sini.

Fakta kes mendedahkan polis membuat serbuan dan pemeriksaan ke atas premis itu untuk mengesan kegiatan perjudian.

Hasil pemeriksaan telah membawa kepada penemuan beberapa peralatan yang disyaki digunakan untuk menjalankan kegiatan perjudian dalam talian iaitu sebuah telefon bimbit dan wang tunai berjumlah RM120.

Siasatan lanjut mendapati Azizan mengaku menjalankan penjualan judi tambah nilai dalam talian semasa tangkapan dibuat.

Sementara itu di Mahkamah Majistret berasingan, Azizan juga mengaku bersalah di bawah Seksyen 9(1) ARJT 1953 kerana membeli tiket loteri haram pada 18 Mac 2024, sekitar jam 2.30 petang di belakang sebuah kedai kopi di Jalan Pending, City Square, di sini.

Majistret Syarifah Fatimah Azura Wan Ali memerintahkan Azizan didenda RM700 atau penjara dua minggu bagi kesalahan itu.

Berdasarkan fakta kes, analisis pakar judi mengesahkan tiket loteri awam yang ditemui adalah tidak sah kerana tidak mempunyai sebarang logo atau lambang dari syarikat loteri awam berlesen di Malaysia.

Semasa serbuan juga, polis turut merampas sebuah telefon bimbit dan wang tunai RM50 daripada Azizan.

Pendakwaan bagi kedua-dua kes dilakukan berasingan oleh Pegawai Pendakwa ASP Arman Ibrahim dan ASP Suziana Suleiman sementara Azizan tidak diwakili peguam.